



Hjh. Noraida menurunkan tandatangan sebagai salah satu simbolik perasmian.

Menurutnya lagi, pihak PKNS akan memastikan segala prasarana ini terjaga demi menjamin kualiti dan taraf

hidup masyarakat yang sempurna di tengah-tengah kota raya besar ini.

Dalam pada itu, seorang pengunjung yang ingin dikenali sebagai Ahmad Hanafiah berkata, dia tertarik dengan reka bentuk bangunan dan kemudahan yang disediakan.

"Mendengar harganya, mungkin ramai yang akan menganggap ianya satu pembaziran, namun jika dilihat dari segi kemudahan dan akses berdekatan, ia sememangnya sangat bagus untuk dijadikan tempat tinggal golongan elit.

"Dengan melihat replika sahaja sudah boleh membuatkan saya teruja, apatah lagi sekiranya berpeluang melihat sendiri struktur binaan ini," katanya.

Menariknya, Datum Jelatek menempatkan jambatan gelang atau "sky ring" di tingkat 27, pertama di Malaysia yang menghubungkan keempat-empat menara kediaman.

Sentuhan moden dan unik itu sudah tentu akan memberikan kelainan kepada Datum Jelatek, sekali gus menjadikan ia sebagai tarikan terbaru kepada mereka yang mementingkan kelainan.

Setakat ini seramai 2,800 orang sudah mendaftar dengan DatumCorp untuk menempah unit di Datum Jelatek di mana hampir 70% adalah Bumiputera dan seramai 5 orang pembeli Bumiputera telah menandatangani perjanjian jual beli.



Sekitar Majlis Pelancaran Datum Galleria.



Contoh model Datum Jelatek.